

03/08/1997

Jenayah keluarga tumpuan utama

KUALA LUMPUR: Semua kerajaan negeri mahu kajian terhadap undang-undang Islam memberi tumpuan terhadap jenayah keluarga, seperti sumbang muhrim dan memukul isteri, bukan sekadar soal pakaian.

Pandangan itu disampaikan dalam pertemuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri-menteri Besar selepas mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu, Khamis lalu.

Menurut Perdana Menteri, semua menteri besar menyokong cadangan mengkaji dan menyeragamkan undang-undang syariah di negara ini, tetapi mahu fokus diberi terhadap soal seperti ayah rogol anak, pukul isteri dan penyalahgunaan dadah.

"Saya berjumpa dengan menteri besar untuk melaporkan perjumpaan saya dengan raja-raja Melayu. Sudah tentu menteri besar juga ada fungsi mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (Mines) di sini, semalam.

Justeru, kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji secara menyeluruh undang-undang Islam itu sendiri, pelaksanaan dan penguatkuasaannya.

Undang-undang Islam dan pelaksanaannya yang berbeza menyebabkan menimbulkan pelbagai kontroversi, termasuk yang terbaru kes penahanan tiga gadis Islam yang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor.

Mengenai halangan yang wujud berhubung penyeragaman undang-undang Islam sebelum ini, Dr Mahathir berkata, ada pegawai agama dan individu tertentu berselindung di belakang raja-raja.

"Kononnya, ini bidang kuasa raja bukan bidang kuasa pentadbiran. Dalam Majlis Agama Negeri juga dia kata perkara agama tidak ada kena mengena dengan kerajaan," katanya.

Dalam pertemuan itu juga, menteri besar menjelaskan masalah yang berlaku di negeri masing-masing termasuk khutbah Jumaat yang menyerang individu tertentu atas motif politik dan tidak sesuai dengan ajaran Islam.

"Ada yang mendakwa ulama adalah waris nabi. Ulama yang macam mana? Takkan yang dok khalwat panggil dirinya sebagai ulama... kita kena ikut," kata Perdana Menteri.

Mengenai kerjasama Asean dalam soal mengatasi jerebu, Perdana Menteri menjelaskan, negara-negara serantau sedang berusaha untuk bekerjasama.

Malah, katanya, sebelum ini, Malaysia sudah mencadangkan untuk menyumbang sebahagian kos untuk mengatasi masalah itu, seperti membantu memadamkan kebakaran.

(END)